

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

**MENTAL
HEALTH**

PK
LULUT
UNING

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**


*Memberi Kesan kepada
Usahawan Persisiran Pantai*

**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

AKU, DIA DAN NICU...

Siri 9

¹Nik Noor Afizah Azlan dan ²Mazlan Mat

¹Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Terengganu, Malaysia

²Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Terengganu, Terengganu, Malaysia

(E-mel koresponden: nikno561@uitm.edu.my)

Kegembiraan yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata. Doa yang tidak pernah putus buat Ariq agar sihat seperti bayi normal yang lain. Kuatlah anakku....Aku yakin Allah akan hadirkan kita pelangi setelah hujan ribut dan badai melanda..... (Dari Siri 8)



Pernah pada suatu hari, semasa kami sampai, kelihatan seorang bayi comel yang belum pernah kami lihat sebelum ini berada di sebelah katil Ariq. Terdetik di hatiku, "Penghuni NICU yang baru ni." Sesampai sahaja di katil Ariq, kami menjalankan rutin kami seperti menambah stok lampin pakai buang, menambah stok susu ibu yang telah disediakan sebelum kami ke NICU, memberikan ubat melalui tiub jika diperlukan, memberikan susu melalui tiub yang sama jika sudah sampai masanya serta beberapa perkara lagi mengikut keperluan. Bila semua rutin telah selesai, barulah kami akan mendukung Ariq dan melakukan KMC (Kangaroo Mother Care). Pada hari tersebut, stok susu Ariq masih tidak mencukupi walaupun kami telah membawa bekalan yang disediakan sebelum ini. Tambahan pula, keperluan penyusuan Ariq semakin meningkat. Bagi mengelakkan bekalan terputus, aku mengemam susu di bilik yang telah disediakan khas untuk ibu-ibu. Setelah selesai urusanku, aku melangkah keluar dari bilik tersebut dan ternampak suamiku sedang mendodoikan Ariq tetapi dengan raut wajah yang jelas dalam kegeraman. Bila ditanya, rupanya ada satu insiden yang kurang menyenangkan berlaku semasa aku berada di dalam bilik penyusuan tadi.

Fizikal dan mental perlu kuat. Banyak perkara yang berlaku di NICU dapat menginsafkan kami. Malah ada yang kehilangan anak tersayang disebabkan komplikasi yang berlaku. Sedih, bimbang, takut dan macam-macam perasaan lagi yang menyelubungi kami namun kami harus sentiasa senyum setiap kali melangkah untuk menziarahi Ariq. Senyuman kami itu adalah lambang kekuatan dan semangat kami untuk terus menghadapi rezeki yang Allah takdirkan ini. Moga Ariq dapat merasakan aura positif kami setiap kali bertemu dengannya.

Setiap kali kami menziarahi Ariq, pasti ada kisah dan ragam daripada rakan-rakan ibu bapa yang senasib dengan kami. Ada kalanya, kisah dan ragam mereka menjadi iktibar buat kami. Tidak terkecuali juga terdapat gelagat yang boleh menimbulkan rasa marah, geram malah menjengkelkan. Tetapi apabila diingat kembali, ada antaranya yang boleh dianggap sebagai kisah yang lucu juga.



Hari berganti hari, minggu berganti minggu... Alhamdulillah keadaan Ariq semakin stabil dan perkembangannya semakin positif. Organ-organ dalamannya juga semakin matang namun paru-parunya masih perlu diberi perhatian. Jiran-jiran Ariq juga telah bersilih ganti. Sepanjang tempoh Ariq menjadi penghuni NICU, banyak pengajaran, pedoman dan pengalaman yang bukan semua orang dapat rasai serta alaminya.



Sedang suamiku menguruskan Ariq, datang seorang lelaki menuju ke katil bayi yang baru menjadi penghuni di situ. Dia menegur suamiku dan perbualan mereka lebih kurang begini:

Bapa baru : Dah lama kat sini?

Ayah Ariq : Lama dah. Baru masuk ke?

Bapa baru : Ya, baru masuk pagi tadi. Bersalin tak cukup bulan.

Anak abang masuk sebab apa?

Ayah Ariq : Isteri ada komplikasi dan anak kami dah lemas.

Jadi terpaksa bedah dan bersalin awal.

Bapa baru : Oooo... bersalin masa berapa bulan?

Ayah Ariq : 8 bulan

Bapa baru : Hidup lagi????! (Dengan riak terkejut)


Ayah Ariq : Alhamdulillah, hidup lagi. Kalau tidak takde kat sini...

(sambil menahan geram)

Bapa baru : Orang tua kata kalau bersalin masa 8 bulan tak hidup lama

(tanpa sedikit pun rasa bersalah)

Ayah Ariq : Alhamdulillah, rezeki Allah bagi hidup lagi. InsyaAllah panjang umur.



Perbualan terhenti di situ kerana masing-masing menguruskan anak masing-masing. Tidak lama kemudian, lelaki tersebut beredar kerana perlu menguruskan isterinya di wad bersalin.

Perbualan kami dilanjutkan.

Ayah Ariq : Ada ke patut cakap macam tu? Ajal, maut tu kan di tangan tuhan. Ramai je anak yang lahir tak cukup bulan hidup sihat, panjang umur! (dengan nada yang masih geram)

Aku : Betul dah tu... takpelah, biarlah jelah dia tu. Dia terkejut tu, tak sedar apa dia cakap. Sabar ya...

Aku pun mengambil Ariq daripada pangkuan suamiku dan mendodoikannya. Sedang kami leka melayan dan mendodoikan Ariq, tiba-tiba masuk seorang jururawat sambil menolak troli yang berisi kelengkapan dan keperluan bayi di wad NICU dengan berkata

"Haaa....siapa kena makan darah hari ni?"

Kami terkejut dan berpandangan sesama sendiri....

.....bersambung.....





BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com